

22 AUG 2002

Syed Hamid-Filipina (Bergambar)/I

M'SIA BENARKAN KAPAL TENTERA LAUT FILIPINA BAWA BALIK RAKYAT

PUTRAJAYA, 22 Ogos (Bernama) -- Malaysia telah memberi kebenaran diplomatik kepada Filipina untuk menggunakan kapal tentera lautnya membawa balik pendatang tanpa izin Filipina dari Sabah, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar di sini hari ini.

Beribu-ribu pendatang tanpa izin kini menunggu untuk pulang berikutan penguatkuasaan Akta Imigresen (pindaan) 1959/63 yang mengenakan penalti yang lebih berat termasuk hukuman sebat terhadap pendatang tanpa izin.

Syed Hamid berkata kebenaran itu telah dimaklumkan kepada Setiausaha Luar Filipina Blas F. Ople selepas perbincangan mengenai penghantaran pulang pendatang tanpa izin di sini hari ini.

Menurutnya Ople telah meminta kerjasama Malaysia untuk membenarkan penghantaran pulang rakyatnya berjalan dengan lancar.

"Malaysia ambil maklum ia (penghantaran pulang pendatang tanpa izin) mengambil masa kerana masalah pengangkutan dan beliau (Ople) minta kerjasama kapal tentera laut dibenarkan masuk bagi melicinkan proses penghantaran dilaksanakan dengan teratur, tidak terlalu sesak dalam satu kapal," katanya kepada pemberita selepas perbincangan hampir sejam dengan Ople.

Ople yang tiba semalam, kini dalam rangka lawatan menyesuaikan diri ke Malaysia. Ia merupakan lawatan pertama beliau ke sini sejak dilantik sebagai Setiausaha Luar Filipina.

Kapal tentera laut akan mengambil pendatang tanpa izin Filipina dari Sandakan dan menghantar mereka ke bandar raya Zamboanga dan Tawi Tawi di selatan pulau Mindanao.

Syed Hamid berkata beliau memberitahu Ople bahawa tempoh pengampunan yang berakhir pada 31 Julai tidak dilanjutkan dan sebarang tindakan yang diambil terhadap pendatang tanpa izin dibuat berdasarkan undang-undang itu.

"Beliau (Ople) tidak mempunyai apa-apa bantahan dengan apa yang dilakukan Malaysia," katanya.

Syed Hamid berkata mereka turut membincangkan hubungan dan kerjasama dagangan serta ekonomi antara kedua-dua negara dan pentingnya Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina-Kawasan Pertumbuhan Asean Timur (BIMP-EAGA) digerak dan dipulihkan kembali berikutan pemulihan ekonomi negara serantau.

Katanya Malaysia bersetuju kerjasama BIMP-EAGA dipulihkan tetapi soal infrastruktur dan keselamatan di sekitar rantau mestilah ditangani terlebih dahulu bagi membolehkan kegiatan ekonomi ditingkatkan.

Beliau berkata Ople turut membangkitkan supaya kerjasama rondaan di kawasan perairan kedua-dua negara ditingkatkan bagi menjamin keselamatan dan mencegah insiden keganasan dan lanun serta pencerobohan pendatang tanpa izin.

Syed Hamid berkata beliau mencadangkan supaya Filipina menyegerakan rancangannya untuk menubuhkan satu pejabat konsulat negara itu di Sabah bagi melicinkan proses dokumentasi perjalanan rakyatnya.

Ditanya mengenai jawapan Ople terhadap cadangan penubuhan pejabat konsulat itu, beliau berkata: tidak ada jawapan pasti."

Syed Hamid juga berkata mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Filipina akan diadakan Disember ini di Davao.

Syed Hamid berkata beliau turut menjelaskan kepada Ople bahawa isu penubuhan sekretariat Asean+3 masih belum tamat dan berharap Filipina akan memberi sokongan kepada Malaysia untuk merealisasikan penubuhannya.

Cadangan Malaysia supaya Sekretariat Asean+3 ditempatkan di Kuala

Lumpur ditolak pada Mesyuarat Peringkat Menteri Asean (AMM) di Brunei kerana ia boleh menjejaskan Sekretariat Asean di Jakarta.

Beliau berkata Ople juga menyampaikan jemputan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir untuk melakukan lawatan ke Filipina.

Syed Hamid yang turut menerima kunjungan Timbalan Menteri Luar Hungary, Andras Barsony berkata mereka berbincang mengenai hubungan dua hala serta kerjasama ekonomi dan pelaburan.

Katanya Hungary berpendapat Malaysia merupakan sebuah negara yang strategik dan penting di rantau ini dan mahu kerjasama dan hubungan dua hala antara kedua-dua negara ditingkatkan.

Syed Hamid berkata Hungary turut menawarkan peluang pendidikan dalam bidang teknologi dan perubatan kepada pelajar Malaysia.

-- BERNAMA

HS AHH LAT